

10 MAR 2002

Kelantan-Jamuan

SULTAN DAN DR M HADIRI JAMUAN RAKYAT DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 10 Mac (Bernama) -- Sultan Kelantan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyertai kira-kira 30,000 rakyat jelata dalam "Majlis Jamuan Rakyat" di perkarangan Istana Negeri, Kubang Kerian, di sini, pada 12 April depan.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Jamuan Rakyat, Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata majlis yang julung kali diadakan itu dianjurkan oleh Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) dengan kerjasama beberapa pihak lain.

Majlis yang diadakan sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Sultan Kelantan ke 52 akan turut dihadiri oleh Raja Perempuan Kelantan dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Ibrahim berkata sebanyak 25,000 tempat duduk disediakan untuk orang ramai manakala 5,000 lagi disediakan untuk tetamu khas terdiri daripada orang kenamaan termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Menteri-menteri Besar.

Beliau berkata tujuan majlis itu diadakan ialah bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Kelantan dan memperkasa serta memartabatkan institusi raja sebagai payung rakyat.

Sempena majlis berkenaan, satu perarakan besar-besaran melibatkan replika burung Petalawati, sejenis burung yang ada kaitan dengan legenda Puteri Saadong, sepanjang 7.3 meter dan lebar 6.1 meter akan diarak dari Istana Mahkota, Kubang Kerian hingga ke Istana Negeri, di sini.

Semasa perarakan lebih dua km itu, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, dan Tengku Mahkota Kelantan masing-masing akan menaiki kereta kuda yang didatangkan khas dari Lampang, Chiang Mai di Utara Thailand.

Beliau berkata perarakan itu juga akan memaparkan persembahkan 24 jenis kebudayaan dan kesenian rakyat Kelantan yang kebanyakannya semakin pupus.

Majlis Jamuan Rakyat yang dijadual bermula pada pukul 8 malam itu turut diserikan dengan persembahan artis-artis popular tanah air termasuk Siti Nurhaliza, katanya.

Beliau berkata beberapa skrin besar akan disediakan bagi membolehkan ribuan rakyat yang tidak berpeluang memasuki kawasan perkarangan Istana Negeri itu, menyaksikan persembahan yang diadakan.

"Majlis berkenaan akan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai majlis jamuan rakyat menggunakan bilangan meja terbanyak di negara ini. Replika Burung Petalawati juga akan direkodkan dalam buku berkenaan sebagai yang terbesar dan terpanjang dicipta di negara ini," katanya.

Ibrahim menganggarkan 100,000 orang akan menyaksikan majlis yang bersejarah bagi rakyat Kelantan itu.

--BERNAMA

BD RAR PR